

KEBERKESANAN UNSUR WATAK DAN PERWATAKAN DALAM CERITA RAKYAT DALAM KALANGAN KANAK-KANAK DAN REMAJA MELALUI MEDIA ANIMASI

TUAN SITI NURUL SUHADAH TUAN ADNAN

Universiti Malaysia Kelantan
sitinurulsuhadahadnan@gmail.com

MOHD FIRDAUS CHE YAACOB

Universiti Malaysia Kelantan
firdaus.cy@umk.edu.my

NUR SAMSI AH MAZLAN

Universiti Malaysia Kelantan
nsamsiah95@gmail.com

ABSTRAK

Cerita rakyat merupakan satu cerita yang disampaikan secara lisan oleh masyarakat terdahulu yang dipertuturkan secara mulut ke mulut dan kaya dengan nilai-nilai murni. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan tentang keberkesanan cerita rakyat dalam kalangan kanak-kanak dan remaja melalui medium animasi. Signifikansi kajian ini adalah kerana industri animasi berjaya menarik minat golongan kanak-kanak dan remaja. Hal ini kerana, bidang animasi sebagai satu cabang untuk mendekatkan golongan kanak-kanak dan remaja untuk meminati cerita rakyat. Lantaran itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis keberkesanan media animasi kepada golongan kanak-kanak melalui cerita rakyat. Di samping itu, cerita lisan yang bertajuk *Si Luncai dengan Labu-labunya*, *Sombong Membawa Padah*, *Ayam Dogol Membuat Jasa*, *Bersikap Jujur* dan *Kasih Sayang Keluarga* yang terkandung dalam *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia*, dijadikan sebagai data kajian ini. Seterusnya, metodologi kajian ini merujuk kepada kaedah kepustakaan dan teks. Kajian ini turut menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan gunaan sebagai deduktif kajian. Dapatan hasil kajian ini membuktikan bahawa media animasi merupakan salah satu medium yang berkesan dan sistematik untuk menjadikan cerita lisan dapat dipopularkan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.

Kata Kunci: animasi; cerita rakyat; kanak-kanak; lisan; remaja

THE EFFECTIVENESS OF CHARACTER AND PERSONALITY ELEMENTS IN FOLKLORE AMONG CHILDREN AND TEENAGERS THROUGH ANIMATIONS MEDIA

ABSTRACT

Folklore is a story told orally by the previous society that is spoken orally and is rich in moral values. Therefore, this study will discuss the effectiveness of folklore among children and adolescents through the medium of animation. The significance of this study is because the animation industry has succeeded in attracting the interest of children and adolescents. This is because, the field of animation as a branch to bring children and teenagers closer to pay attention to folklore. Therefore, this study aims to identify and analyze the effectiveness of animations

media to children through folklore. In addition, the oral story entitled *Si Luncai dengan Labu-labunya, Sombong Membawa Padah, Ayam Dogol Membuat Jasa, Bersikap Jujur and Kasih Sayang Keluarga* contained in *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia*, was used as data for this study. This study also used the Teori Pengkaedahan Melayu through an applied approach as a deductive study. The findings of this study prove that animation media is one of the effective and systematic medium to make oral stories can be popularized among children and adolescents.

Keywords: animations; children; folklore; oral; teenagers

PENGENALAN

Cerita rakyat merupakan satu medium perantaraan yang digunakan oleh masyarakat terdahulu dalam menyampaikan nasihat atau pengajaran kepada generasi muda. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017) telah menyatakan bahawa cerita rakyat merupakan tutur kata yang disampaikan dan diwariskan daripada golongan tua kepada golongan muda sebagai khazanah warisan kebudayaan masyarakat Melayu. Ianya merupakan satu titik permulaan asas pembelajaran bagi setiap individu dalam membentuk perwatakan yang positif dalam masyarakat Melayu. Hal ini bagi mendidik golongan muda dalam berinteraksi secara baik dengan golongan tua.

Selain itu, menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menyatakan bahawa cerita rakyat yang disampaikan menjadi satu medium perantaraan dalam membentuk rohani, pengetahuan, dan akhlak mulia seseorang individu bagi menyumbang kepada pembentuk tamadun dalam mencapai keharmonian dan kesejahteraan negara. Hal ini memberi penerapan terhadap individu dalam membentuk satu pemikiran yang rasional dalam menangani masalah secara kritis dan saksama. Ianya penting bagi membentuk masyarakat muda yang berfikiran celik untuk menangani isu permasalahan negara pada masa akan datang.

Di samping itu, menurut Ahmad Nizam Othman (2009) pelbagai cara yang digunakan oleh tukang cerita untuk mewariskan kebudayaan kesusasteraan rakyat ini. Antaranya cerita rakyat dapat dilihat menerusi buku cerita, ilustrator, filem dan animasi. Maka, cerita rakyat kini juga dilihat mendapat tempat dalam kalangan penggerak animasi di Malaysia. Ianya membolehkan warisan cerita rakyat ini diteruskan menerusi legasi animasi yang dipupuk di Malaysia secara tidak langsung. Warisan cerita rakyat oleh tukang cerita mampu untuk dikembangkan melalui aktiviti karya seni dalam bidang animasi. Hal ini secara tidak langsung membolehkan golongan kanak-kanak dan remaja pada masa kini mempelajari mengenai kesusasteraan rakyat melalui pengamatan dalam animasi. Ianya menarik golongan muda untuk memahami mesej-mesej yang ingin disampaikan dalam cerita rakyat lalu diaplikasikan dalam kehidupan mereka.

Justeru itu, cerita rakyat boleh diadaptasi kepada bentuk animasi bagi memberi gambaran positif terhadap masyarakat. Keseluruhan nilai-nilai murni dalam cerita rakyat mampu digarap oleh bidang animasi untuk memartabatkan kembali cerita-cerita rakyat terdahulu kepada masyarakat era teknologi kini. Bidang animasi sesuai untuk dijadikan sebagai alat penyampaian cerita-cerita rakyat kepada golongan kanak-kanak dan remaja kerana golongan ini merupakan golongan yang banyak terdedah kepada teknologi digital. Melalui penyampaian cerita rakyat ini dalam animasi mampu untuk mendidik golongan kanak-kanak dan remaja yang bakal mewarisi ketamadunan Negara Malaysia pada masa akan datang melalui pembentukan sahsiah yang positif.

PENYATAAN MASALAH

Setiap kajian yang dijalankan mesti mempunyai permasalahan yang tersendiri. Permasalahan yang diperoleh memudahkan pengkaji untuk menganalisis data dan maklumat. Permasalahan adalah sangat penting bagi mengetahui masalah yang timbul semasa mengkaji kajian ini. Terdapat beberapa permasalahan dalam kajian ini.

Melalui analisis beberapa kajian lepas mengenai cerita rakyat mendapati bahawa masih mempunyai kelompongan terhadap kajian mengenai aspek keberkesanan media animasi terhadap kanak-kanak dan remaja yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Terdapat beberapa sahaja kajian lepas yang berkaitan dengan keberkesanan cerita rakyat dalam kalangan kanak-kanak dan remaja melalui media animasi. Hal ini dapat dibuktikan melalui beberapa kajian lepas iaitu kajian oleh Madiawati Mamat & Arbai'e Sujud bertajuk *Kepentingan Transformasi Medium Teknologi Moden dalam Memartabatkan Cerita Rakyat* (2010), Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat yang bertajuk *Kepentingan Komponen Multimedia dalam Usaha Memartabatkan Cerita-Cerita Rakyat Melayu* (2014), Normaliza Abd Rahim *Permasalahan Cerita Rakyat Melayu Hampir Dilupakan dalam Kalangan Masyarakat* (2014), Mohd Firdaus Che Yaacob *Impak Cerminan Budaya Berfikir dan Akal Budi dalam Masyarakat Melayu ke Arah Kemajuan Teknologi Multimedia Menerusi Cerita Rakyat Melayu* (2016) dan Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Awang Azman Awang Pawi bertajuk *Kepentingan Nilai dan Kebudayaan yang Terkandung dalam Cerita Rakyat Melayu melalui Perisian E-Cerita Rakyat kepada Kanak-kanak Sekolah Rendah* (2016).

Selain itu, pengkaji menjalankan kajian ini kerana ingin menangkis pendapat masyarakat yang mana rata-rata menganggap cerita rakyat melalui media animasi kurang memberi sebarang keberkesanan kepada kanak-kanak dan remaja. Malah, rata-rata masyarakat juga menganggap media animasi sebagai sesuatu yang boleh melalaikan kanak-kanak dan remaja serta tidak menitikberatkan nilai-nilai moral yang boleh membentuk jati diri dan pembangunan insaniah kanak-kanak dan remaja. Justeru, melalui kajian ini ianya akan mengubah stigma masyarakat mengenai perkara ini serta memperlihatkan keberkesanan cerita rakyat melalui media animasi di kalangan kanak-kanak dan remaja.

Sehubungan dengan itu, melalui analisis kajian lepas mendapati terdapat kelompongan dalam kajian ini di mana kajian mengenai keberkesanan media animasi terhadap kanak-kanak dan remaja kurang dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengisi kelompongan yang ada serta memperlihatkan impak keberkesanan cerita rakyat di kalangan kanak-kanak dan remaja melalui media animasi. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti, menganalisis serta merumuskan keberkesanan cerita rakyat di kalangan kanak-kanak dan remaja melalui media animasi.

BATASAN KAJIAN

Melalui pernyataan masalah yang dinyatakan, kajian ini memilih beberapa cerita rakyat yang dikenal pasti mampu diadaptasi kepada bentuk animasi. Kajian ini telah menyenaraikan sebanyak lima buah cerita rakyat sebagai rujukan kepada penyelidikan ini. Lima buah cerita rakyat yang dimaksudkan adalah seperti *Si Luncai dengan Labu-labunya*, *Sombong Membawa Padah*, *Ayam Dogol Membuat Jasa*, *Bersikap Jujur* dan *Kasih Sayang Keluarga*. Cerita rakyat ini diambil daripada *Teks 366 Cerita Rakyat di Malaysia* yang diselenggarakan oleh Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017). Cerita-cerita ini diambil bagi memaparkan aspek watak dan perwatakan yang ada dalam cerita rakyat untuk dibincangkan dalam konteks animasi. Cerita-cerita rakyat ini dimartabatkan melalui

kebangkitan elemen watak dan perwatakan yang ditampilkan menerusi bidang animasi di Malaysia khususnya.

Hal ini berikutan kelompongan kajian-kajian terdahulu yang sekadar fokus kepada nilai masyarakat dalam cerita rakyat tanpa memberikan penekanan peredaran masa yang kian berubah. Kebanyakan cerita rakyat ini meliputi nilai-nilai murni serta akal budi yang terdapat dalam cerita rakyat sahaja. Kebanyakan kajian kurang memaparkan dan memberikan penekanan satu medium yang khusus untuk membolehkan cerita rakyat ini diketahui oleh setiap lapisan masyarakat terutama golongan kanak-kanak dan remaja. Oleh itu, kajian ini adalah untuk melihat keberkesanan bidang animasi dalam memartabatkan kembali cerita rakyat menerusi watak dan perwatakan yang ditampilkan berbanding kajian terhadap teks.

Selain itu, kajian ini hanya menumpukan kepada penyampaian watak dan perwatakan dalam cerita rakyat untuk diadaptasi kepada bidang animasi. Kajian ini mengkaji seberapa berkesannya satu filem animasi yang dihasilkan melalui adaptasi menerusi cerita rakyat tradisional. Hal ini demikian membolehkan kajian ini mengetahui tahap keberkesanan animasi dalam memaparkan nilai-nilai murni dalam perwatakan cerita rakyat terhadap golongan kanak-kanak dan remaja. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengembalikan warisan cerita rakyat tradisional menggunakan medium teknologi seperti animasi khususnya.

Justeru itu, kajian ini hanya menumpukan kepada golongan kanak-kanak dan remaja sahaja. Hal ini kerana pengaruh multimedia lebih tertumpu kepada dua golongan ini sahaja. Kanak-kanak dan remaja yang dilahirkan pada era ini lebih mendominasi ke arah teknologi serta multimedia. Maka, kajian ini dijalankan bagi membincangkan bagaimana bidang animasi dapat digunakan untuk dijadikan medium penting terhadap kanak-kanak dan remaja menerusi cerita rakyat.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Kajian ini telah merujuk beberapa kajian lepas sebagai panduan dalam menentukan kajian lepas sebagai rujukan kajian ini.

Kajian lepas oleh Madiawati Mamat & Arbai'e Sujud (2010) dalam kajiannya yang bertajuk "Kepentingan Transformasi Medium Teknologi Moden dalam Memartabatkan Cerita Rakyat" telah dijalankan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengabungkan ketiga-tiga medium lisan, teks dan multimedia dalam membantu masalah kepupusan tradisi bercerita dalam kalangan masyarakat Melayu. Selain itu, bahan kajian bagi kajian ini adalah cerita rakyat *Unggas I* yang merupakan karya Aripin Said (2003 & 2007). Sebanyak tiga buah cerita rakyat telah dipilih sebagai bahan utama kajian seperti *Ayam Jantan*, *Kampung dengan Ayam Hutan*, serta *Cenderawasih dan Bangau Membalas Jasa*. Dapatan kajian membuktikan bahawa melalui penyampaian secara digital secara tidak langsung akan menarik minat khalayak untuk meminati dan meneliti nilai-nilai tersurat dan tersirat yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu dan menjadikan nilai-nilai positif sebatik dalam diri masyarakat.

Selain itu, kajian lepas oleh Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat (2014) yang bertajuk "Kepentingan Komponen Multimedia dalam Usaha Memartabatkan Cerita-Cerita Rakyat Melayu" turut dijalankan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan komponen multimedia yang digunakan untuk memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar sekolah rendah terhadap kepentingan cerita-cerita rakyat Melayu. Kajian ini juga turut memberi tumpuan kepada aspek wacana yang dipertuturkan oleh para pelajar sekolah rendah. Bagi mendapatkan maklumat dan data yang baik, pelajar-pelajar dibahagikan kepada dua kumpulan dan diberikan masa selama dua jam seminggu dan diikuti empat jam seminggu untuk membincangkan elemen-elemen multimedia yang terdapat dalam perisian teknologi dan pelajar-pelajar juga diberikan lima buah cerita rakyat Melayu untuk dibaca dan difahami. Cerita binatang dan lagu-lagu rakyat yang

merangkumi elemen-elemen multimedia seperti animasi, audio, video, grafik, teks dan interaktiviti telah dipilih sebagai bahan kajian. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa pelajar-pelajar dapat memberikan pendapat dan pandangan berdasarkan cerita rakyat Melayu yang telah diberikan oleh pengkaji.

Normaliza Abd Rahim (2014) telah menjalankan kajian bertajuk “Permasalahan Cerita Rakyat Melayu Hampir dilupakan dalam kalangan Masyarakat”. Kajian ini tertumpu kepada permasalahan cerita rakyat Melayu yang hampir dilupakan dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan cerita rakyat Melayu dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Penggunaan teknologi terkini sebagai alat untuk memartabatkan kembali cerita rakyat Melayu juga turut digunakan dalam kajian ini. Rentetan itu, pelajar-pelajar diberikan perisian teknologi untuk melihat sendiri cerita rakyat Melayu yang telah disediakan serta menemu ramah pelajar-pelajar berdasarkan pendapat mereka mengenai penggunaan perisian dalam penyebaran cerita rakyat Melayu. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa perisian yang diberikan kepada pelajar-pelajar tersebut dapat menghalang cerita rakyat daripada dipinggirkan dan menjadikan perisian teknologi sebagai peranan penting dalam memastikan perkembangan cerita rakyat Melayu terus diminati oleh semua lapisan masyarakat.

Lain daripada itu, kajian yang bertajuk “Ekspresi Emosi Melalui Bahan Bacaan Sastera Kanak-Kanak” oleh Arba'ie Sujud, Nurul Azimah Abdull Sedik, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Intan Zahariah Gaisun (2014). Kajian ini membincangkan mengenai karya kesusasteraan Melayu yang mampu merangsang pertumbuhan pemikiran kanak-kanak menerusi emosi. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi tujuan mengenal pasti emosi kanak-kanak menerusi bahan bacaan sastera. Kajian ini membataskan untuk meneliti tiga buah cerita, iaitu *Cinderella*, *Jack dan Pokok Kacang Ajaib* serta *Si Comel Bertudung Merah* bagi melihat emosi yang dihasilkan oleh kanak-kanak menerusi pembacaan. Maka, kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kepustakaan dan analisis teks sebagai pemangkin yang utuh. Hasil kajian mendapati terdapat unsur emosi yang mempengaruhi pembacaan kanak-kanak dalam kesusasteraan Melayu yang memberi impak positif menerusi perilaku dan pertuturan.

Di samping itu, kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2016) yang bertajuk “Impak Cerminan Budaya Berfikir dan Akal Budi dalam Masyarakat Melayu ke arah Kemajuan Teknologi Multimedia Menerusi Cerita Rakyat Melayu”. Kajian ini dijalankan untuk memperlihatkan peranan masyarakat untuk berfikir secara rasional untuk memartabatkan cerita rakyat Melayu ke dalam teknologi multimedia melalui perisian audio, visual, grafik dan video. Kajian ini dijalankan bertujuan memastikan cerita rakyat Melayu tidak dipinggirkan oleh khalayak pembaca, kerana dengan adanya media teknologi dapat dijadikan sebagai medium perantaraan untuk menjadikan cerita rakyat Melayu disampaikan dengan cara yang lebih menarik dan berkesan. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa cerita rakyat Melayu sememangnya wajar diangkat ke peringkat yang lebih tinggi sejajar dengan kemajuan teknologi yang memainkan penting dalam memartabatkan cerita rakyat Melayu agar dibangunkan dalam konteks yang lebih berkesan.

Seterusnya, Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Awang Azman Awang Pawi (2016) bertajuk “Kepentingan Nilai dan Kebudayaan yang Terkandung dalam Cerita Rakyat Melayu melalui Perisian E-Cerita Rakyat kepada Kanak-kanak Sekolah Rendah”. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan nilai yang terkandung dalam lirik lagu melalui cerita-cerita rakyat Melayu yang telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Teori Pengkaedahan Melayu oleh hashim Awang juga turut diaplikasi dalam kajian ini agar kajian lebih bermanfaat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak lebih gemar membaca cerita rakyat Melayu melalui lirik-lirik lagu yang mempunyai lirik dan melodi yang menarik.

Selain itu, kajian yang bertajuk “Tun Seri Lanang: Dari Istana Batu Sawar Ke Naggaroe Aceh Darussalam” oleh Johari Talib, Maharam Mamat & Maznah Ibrahim (2017). Kajian ini memperihalkan mengenai ketokohan watak cerita rakyat, iaitu Tun Seri Lanang sebagai ahli politi dan pujangga istana yang mashyur. Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan menganalisis ketokohan Tun Seri Lanang menerusi perjalanan dari Istana Batu Sawar ke Naggaroe Aceh Darussalam. Kajian ini membataskan untuk meneliti karya bertajuk *Tun Seri Lanang* untuk memperlihat ketokohan watak. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kaedah teks dan analisis teks sebagai pemangkin analisis yang utuh. Hasil kajian mendapati bahawa watak Tun Seri Lanang merupakan cendikiawan yang berilmu serta memiliki peradaban yang tinggi selain mampu mengekalkan kebudayaan komuniti tersebut menerusi hasil karya terulungnya.

Lain daripada itu, kajian yang bertajuk “Penemuan Nilai-Nilai Islam dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak” oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Kajian ini memperlihatkan bentuk-bentuk kebudayaan yang menjadi amalan turun temurun masyarakat Melayu berlandaskan syariah Islam. Maka, kajian ini dilaksanakan bagi tujuan mengenal pasti dan membincangkan mengenai nilai-nilai Islam yang terkandung dalam cerita lisan Melayu. Kajian ini turut membataskan untuk meneliti teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia* yang berlandaskan nilai-nilai Islam. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kepustakaan dan analisis teks sebagai pengukuhan analisis data. Malah, kajian ini turut menggunakan pendekatan teori takmilah sebagai deduktif kajian. Hasil kajian mendapati bahawa cerita lisan memiliki nilai-nilai Islam yang mendidik masyarakat untuk berakhlak mulia serta berintelektual mengikut Al-quran dan hadis.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan aspek terpenting dalam kaedah penyelidikan sesebuah kajian. Berdasarkan metodologi, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kepustakaan dan analisis teks yang dilakukan bagi memperoleh data dan maklumat dengan lebih terperinci. Kaedah kepustakaan merujuk kepada pencarian maklumat yang jelas mengenai cerita rakyat Melayu. Antara bahan yang digunakan ialah jurnal-jurnal, kamus, kertas kerja seminar dan artikel-artikel yang sahih. Bahan-bahan ini dirujuk bagi tujuan menyimpulkan ilmu pengetahuan berdasarkan penemuan dalam kajian cerita rakyat Melayu.

Seterusnya, kaedah analisis teks melibatkan proses bacaan teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia* yang diselenggara oleh Zainariah Abdul Wahab, Nur Shafiqah Yusof & Fatimah Abdul Nasir (2017). Di samping itu, sebanyak lima buah cerita rakyat yang dipilih secara rawak berdasarkan teks tersebut, iaitu *Si Luncai dengan Labu-Labunya*, *Sombong Membawa Padah*, *Ayam Dogol Membuat Jasa*, *Sikap Jujur* dan *Kasih Sayang Keluarga*. Cerita-cerita ini dipilih berdasarkan penelitian terhadap penelitian mendapati bahan-bahan memiliki watak pewatakan yang positif dalam penceritaannya yang menjadi tunjang utama kajian ini. Oleh itu, cerita rakyat tersebut dianalisis secara sistematik dan fleksibel bagi memperincikan unsur watak pewatakan serta seterusnya diaplikasi menggunakan teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989).

Di samping itu, kajian ini akan memperincikan mengenai teori pengkaedahan Melayu yang dipelopori oleh Hashim Awang (1989). Teori ini merupakan satu-satunya teori sastera Melayu di Malaysia yang menekankan kritikan terhadap konsep kebudayaan dan tatacara kehidupan masyarakat Melayu. Oleh hal yang demikian, teori ini dipilih kerana bersesuaian dengan peradaban masyarakat Melayu yang mementingkan tatasusila melalui setiap perilaku yang ditonjolkan dalam komunitinya.

PENDEKATAN GUNAAN

Kajian ini turut mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989). Teori ini dipilih bagi tujuan mengetengahkan peradaban masyarakat Melayu zaman silam. Teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang ini dikemukakan berlandaskan kehidupan komuniti yang mementingkan tatacara kehidupan, kepercayaan serta kebudayaan yang melambangkan identiti tersendiri. Oleh hal yang demikian, teori kesusasteraan mempamerkan idea kreatif yang dikemukakan hasil pemikiran pengarangnya. Kajian ini mengambil pendekatan gunaan bagi menampilkan Teori Pengkaedahan Melayu yang dikatakan lebih akrab dengan masyarakat setempat. Pendekatan gunaan yang bertujuan mempamerkan kewujudan objek alam yang merangkumi manfaat, hikmat, fungsi serta peranan kepada manusia di alam semesta (Hashim Awang, 2002). Hal ini dikatakan demikian kerana teori ini memperlihatkan alam sebagai sumber ilham kepada pengarang untuk dimasukkan ke dalam setiap karyanya. Hal ini menyebabkan sastera dan alam perlu saling berkaitan demi melahirkan karya yang baik serta bermanfaat untuk menyampaikan pemikiran dan falsafah kehidupan masyarakat. Oleh hal yang demikian, pendekatan ini menegaskan perkaitan di antara manusia dan alam berperanan penting dalam penghasilan sesebuah karya yang baik serta menarik.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Watak dan perwatakan di dalam sesebuah cerita rakyat sememangnya menjadi perhatian terutamanya kepada kanak-kanak dan remaja kerana memberikan gambaran yang positif. Menurut *Kamus Dewan* (2007: 1803), watak merupakan sifat seseorang yang zahir dan batin (merangkumi budi pekerti dan tabiatnya, tingkah lakunya, jiwanya, pemikirannya dan sebagainya). Justeru itu, kajian ini akan menganalisis unsur watak dan perwatakan dalam cerita rakyat di kalangan kanak-kanak dan remaja melalui peranan media animasi sebagai media yang lebih berkesan dan menarik. Sehubungan itu, menerusi kajian ini, pengakaji membataskan beberapa unsur watak dan perwatakan yang terkandung di dalam cerita rakyat ini, antaranya ialah kebijaksanaan, kesetiaan, kepatuhan, merendah diri, baik budi, jujur dan penyayang.

Kebijaksanaan

Kebijaksanaan ialah berakal budi, arif, pandai, berhati-hati dan cerdik. Bijaksana juga menggambarkan kebijaksanaan seseorang untuk menggunakan daya pemikiran yang lebih dinamik, perihal bijaksana menggunakan akal budi (*Kamus Dewan*, 2007). Oleh itu, unsur watak dan perwatakan kebijaksanaan ini dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Si Luncai dengan Labu-labunya* berdasarkan kepada petikan 1:

Petikan 1

“...Melihat keadaan itu, Si Luncai pun keluar daripada guni lalu mangisikan beberapa biji labu dalam guni sebagai ganti. Selepas itu, dia terjun dari perahu dengan memegang dua biji labu sebagai pelampung dan berenang ke daratan yang berhampiran...”

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir 2017:10)

Petikan 1 menunjukkan unsur watak Si Luncai yang bijak dalam menyelamatkan diri sewaktu dia ingin dicampak ke dalam laut akibat perbuatannya. Watak Si Luncai dilihat menggunakan akal fikiran bijaksana mampu menyelamatkan diri daripada hukuman raja pada ketika itu. Hukuman itu dijatuhkan kerana sikapnya yang suka bergurau tanpa mengira pangkat serta darjat individu lain. Fikiran bijaksana itu dapat dilihat menerusi tingkah lakunya yang mengisi guni dengan labu-labu. Hal ini disebabkan oleh orang suruhan raja leka menyanyikan

lagu membuatkan Si Luncai mampu untuk mengantikan dirinya dengan labu dan menyelamatkan diri. Penceritaan ini menggambarkan keadaan genting diantara watak bagi melepaskan diri dari ancaman. Di sebalik keadaan tersebut, penggerak animasi perlu memberikan kesan khas ketika watak terjun ke dalam air. Kelebihan kesan khas daripada pecikkan air serta paparan grafik yang tinggi mampu menarik minat golongan remaja dan kanak-kanak. Mengikut Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Awang Azman Awang Pawi (2016) menjelaskan setiap kesan khas dalam animasi bertujuan mengindahkan lagi cerita rakyat berdasarkan teks diadaptasi ke dalam animasi. Berdasarkan itu, remaja dan kanak-kanak akan tertarik dengan kesan-kesan khas itu dalam animasi.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) menerusi pendekatan gunaan mampu merungkai pewatakan cerita rakyat di atas. Hal ini dikatakan demikian kerana pengarang mahupun penglipur lara mampu menggabungkan unsur alam dengan tatacara kehidupan masyarakat setempat. Oleh itu, penglipur lara menekankan watak Si Luncai yang memanfaatkan situasi serta objek sekeliling bagi melarikan diri daripada hukuman raja. Hal ini jelas apabila watak tersebut berjaya melarikan diri menyelamatkan diri daripada hukuman raja. Watak ini jelas menunjukkan kebijaksanaannya dalam mengatasi masalah pada ketika itu. Justeru itu, kejadian itu telah menunjukkan sifat bijaksana orang Melayu dalam mengatasi masalah yang rumit.

Kesetiaan

Seterusnya, kesetiaan ialah keteguhan hati, ketaatan dan kepatuhan. Kesetiaan ini dapat dilihat melalui perhubungan persahabatan serta perhambaan. Kesetiaan menggambarkan kekuatan hati individu untuk terus setia kepada pemerintah atau hubungan persahabatan (*Kamus Dewan*, 2007). Oleh itu, cerita rakyat yang dikaji adalah *Si Luncai dengan Labu-labunya* telah mengetengahkan watak yang setia kepada pemerintah. Watak ini diketengahkan kerana sikap kesetiaan yang ditampilkan. Hal ini dapat dilihat melalui petikan 2 dibawah:

Petikan 2

“...Suatu hari, dia dijatuhkan hukuman oleh raja. Dia didapati bersalah kerana mempermainkan raja dan pembesar-pembesar istana. Raja menitahkan agar Si Luncai dihumbankan ke dalam laut. Lalu, Si Luncai dimasukkan ke dalam guni. Tiba-tiba, dari dalam guni terdengar suara. “Si Luncai terjun dengan labu-labunya. Biarkan. Biarkan.” Rupa-rupanya Si Luncai yang menyanyi. Orang-orang suruhan raja tertarik mendengar nyanyian Si Luncai itu.....”

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir 2017:10)

Petikan 2 di atas mendapati bahawa watak orang suruhan raja memiliki sikap setia terhadap titah yang dikeluarkan oleh pemerintah mereka. Mereka patuh dengan suruhan Raja untuk mencampak Si Luncai ke dalam laut. Mereka mengikuti kemahuan Raja. Sikap yang ditonjolkan ini adalah kesetiaan yang tidak berbelah bahagi antara orang suruhan terhadap pemerintahnya.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) melalui pendekatan gunaan mampu dilihat secara jelas pada watak di atas. Tindakan watak orang suruhan diraja dilihat memiliki sifat kesetiaan yang luhur kepada rajanya yang menampakkan kecekalan hati dalam menjalankan tugas. Hal ini berlaku demikian kerana masyarakat Melayu tradisional amat menekankan falsafah tertentu dalam aktiviti seharian mereka. Hal ini terjadi demikian kerana masyarakat tradisional amat menekankan semangat daulat kepada raja yang memerintah pada ketika itu. Hal ini mengakibatkan watak orang suruhan raja yang jelas mempamerkan mereka menghormati keputusan pemerintah lantas bersedia menjalankan

hukuman ke atas watak Si Luncai. Kesannya, masyarakat Melayu memperlihatkan kepada golongan remaja akan falsafah yang menjadi amalan turun-temurun mereka.

Kepatuhan

Selain itu, kepatuhan didefinisikan sebagai menurut (perintah, peraturan, hukum, dan lain-lain), taat, dan tidak membantah. Kepatuhan juga meliputi sikap mematuhi, menurut (perintah, suruhan, dan lain-lain) mentaati, ketaatan (*Kamus Dewan*, 2007). Kajian ini mendapati cerita *Si Luncai dengan Labu-labunya* mempamerkan watak kepatuhan. Watak ini diketengahkan melalui sikap patuh terhadap tugas yang diberikan. Hal ini dapat dirujuk pada petikan 3 seperti dibawah:

Petikan 3

“...Apabila sampai di tengah laut, orang-orang suruhan raja pun mencampakkan guni itu ke dalam laut. Mereka menyangka Si Luncai telah mati lalu memberitahu hal itu kepada raja. Tetapi sebenarnya, Si Luncai telah selamat tiba di tepi pantai.”

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir 2017:10)

Petikan 3 di atas dapat menggambarkan sikap patuh yang dimiliki oleh watak orang-orang suruhan raja itu. Orang-orang suruhan raja telah mencampak Si Luncai ke dalam laut tanpa mengetahui bahawa Si Luncai telah berjaya menyelamatkan diri. Orang-orang suruhan raja tidak mengetahui bahawa guni itu telah diisi dengan labu oleh Si Luncai ketika dibawa ke laut. Orang-orang suruhan raja hanya menyampaikan kepada raja bahawa Si Luncai telah dicampak ke dalam laut dan mati. Sikap patuh ini menunjukkan bahawa orang-orang suruhan raja sanggup menyelesaikan kerja yang diminta sehingga selesai. Paparan grafik merupakan kaedah visual dan audio dalam menyampaikan sesuatu cerita kepada penonton. Visual dan audio itu mempunyai dua kaedah seperti melalui kaedah animasi 2 Dimensi dan animasi 3 Dimensi. Menurut Abdul Nizam Othman (2009) bagi menghasilkan penceritaan untuk menarik lagi minat penonton kanak-kanak untuk melihat cerita rakyat, dalam penceritaan memerlukan *storyboard* yang menarik. Setiap perwatakan di dalam penceritaan animasi tersebut perlu mempunyai watak yang menarik minat penonton. Kaedah itu haruslah diolah oleh pereka animasi itu dengan kreativiti dan idea-idea yang menarik bagi menghasilkan pergerakan serta jalan cerita yang menarik.

Selain paparan visual, audio merupakan satu kaedah yang terbaik untuk disampaikan kepada penonton bersama dengan visual tersebut. Pemilihan suara watak dapat membantu meningkatkan lagi mutu jalan cerita tersebut. Di samping itu, kesan bunyi juga merupakan elemen penting dalam memperkemas lagi perjalanan latar belakang cerita. Paparan visual dan audio dapat dilihat menerusi cerita *Si Luncai dengan Labu-labunya* seperti petikan 4 dibawah:

Petikan 4

“...Suatu hari, dia dijatuhkan hukuman oleh raja. Dia didapati bersalah kerana mempermainkan raja dan pembesar-pembesar istana. Raja menitahkan agar Si Luncai dihumbankan ke dalam laut. Lalu, Si Luncai dimasukkan ke dalam guni. Tiba-tiba, dari dalam guni terdengar suara. “Si Luncai terjun dengan labu-labunya. Biarkan. Biarkan.” Rupa-rupanya Si Luncai yang menyanyi. Orang-orang suruhan raja tertarik mendengar nyanyian Si Luncai itu.....”

(Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017:10)

Gambaran penceritaan memperlihatkan cara Si Luncai mempermainkan raja dan pembesar-pembesar istana. Pakar animasi perlu menceritakan bagaimana Si Luncai dapat

mempermainkan raja yang bijaksana itu. Pakar animasi perlu mengarap idea yang lebih kreatif bagi menceritakan perihal kebijaksanaan Si Luncai. Kesan sampingan melalui visual animasi dapat memberikan gambaran suasana keadaan laut yang bergelora dan kesan-kesan bunyi seperti kicauan burung. Suara latar belakang serta nyanyian dapat menarik bahan penceritaan tersebut. Mengikut kajian Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Awang Azman Awang Pawi (2016) memperincikan mengenai animasi yang mengandungi elemen-elemen lagu dan alunan muzik yang menarik berdasarkan cerita rakyat. Ianya diperkukuhkan lagi dengan kajian yang dilakukan terhadap remaja berdasarkan cerita rakyat yang dipertontonkan kepada mereka.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) menerusi pendekatan gunaan. Menerusi petikan cerita di atas, jelaslah bahawa watak tersebut memiliki sifat kepatuhan yang tinggi dalam diri mereka. Hal ini disebabkan oleh falsafah hidup yang dipegang oleh masyarakat Melayu itu sendiri. Hal ini telah menyebabkan penglipur lara memasukkan intipati pemikirannya agar bersesuaian dengan adat resam masyarakat Melayu. Hal ini menyebabkan bentuk pemikiran masyarakat mampu disemai dengan keluhuran budi yang ditonjolkan oleh watak dalam petikan di atas. Natijahnya, bentuk pemikiran yang fleksibel dan mementingkan keharmonian mampu ditanam dalam kalangan masyarakat Melayu.

Merendah Diri

Merendah diri didefinisikan sebagai hati (diri) tidak sombong, baik hati, memandang atau menganggap rendah (tidak penting, hina, dan lain-lain). Rendah diri digambarkan sebagai sifat hati yang tidak rendah serta tidak memandang hina kepada makhluk lain (*Kamus Dewan*, 2007). Unsur watak dalam penceritaan seperti dalam cerita rakyat sangat memberikan impaknya yang tersendiri dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Dalam cerita rakyat yang bertajuk “Sombong Membawa Padah” ini memaparkan terdapat dua unsur watak iaitu watak yang menonjolkan nilai positif dan negatif. Cerita rakyat ini berkisarkan kepada dua ekor ayam jantan yang tinggal sereban iaitu Jalak dan Baring. Kedua-dua ayam jantan ini mempunyai sikap yang berlainan iaitu Jalak merupakan seekor ayam yang berlagak dan suka berlagu. Manakala, Baring berlawanan sikapnya dengan Jalak iaitu sangat penyabar dan merendah diri. Namun begitu, Baring sentiasa bersabar dengan sikap Jalak dan Baring berusaha untuk terbaik dan hidup aman dalam satu reban dengan Jalak. Hal ini dijelaskan lagi berdasarkan petikan 5 dibawah:

Petikan 5

“...Suatu hari, ayam di reban berketak dengan bisingnya. Rupa-rupanya, Biring dan Jalak sedang berlagu. Biring tidak mahu terikut dengan perangai Jalak lalu melarikan diri. Jalak yang memikir dirinya menang lantas melompat ke atas pagar dan berkokok dengan panjangnya seolah-olah mengumumkan dirinya sebagai pemenang. Pada ketika itu, muncul seekor burung helang lalu menyambar Jalak. Sedarlah Jalak bahawa kesombongan membawa padah...”

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqqa Yusof & Fatimah Abdul Nasir 2011:134)

Jelaslah, unsur watak yang dibawakan oleh Jalak dan Baring itu sangat mendatangkan kesan kepada diri mereka. Sebagai contoh, sikap Jalak yang sombong dan suka berlagak telah mendatangkan padah kepadanya iaitu telah mati disambar oleh burung helang. Manakala, sikap positif yang dimiliki oleh Baring telah menyelamatkan dirinya disambar oleh helang. Selain itu, sikap Baring yang suka bertolak ansur juga telah menimbulkan perasaan empatinya terhadap nasib yang menimpa Jalak kerana Baring tidak sempat untuk menyelamatkan Jalak. Jelaslah, unsur watak yang dimiliki oleh kedua-dua ayam jantan ini telah mendatangkan impaknya yang tersendiri dalam hidup mereka. Tuntasnya, sikap yang dimiliki oleh Jalak dan

Baring wajar diteladani dan dihindari oleh golongan kanak-kanak dan remaja kerananya ianya mampu mempengaruhi akal dan pembentukan moral terhadap kanak-kanak dan remaja khususnya. Penceritaan yang mengandungi unsur aksi diantara watak-watak cerita tersebut. Melalui bentuk animasi, cerita ini mampu digarap dengan graf penceritaan naik turunnya kisah permulaan cerita, pertengahan cerita dan pengakhiran cerita. Melalui kajian Normaliza Abd Rahim (2014) menjelaskan berdasarkan unsur-unsur yang ada pada perisian animasi mampu menarik minat remaja untuk menonton kembali cerita-cerita rakyat yang kian dilupakan.

Seterusnya, kajian ini juga akan menganalisis perwatakan watak dalam cerita rakyat ini. Perwatakan yang ditonjolkan dalam sesebuah cerita rakyat juga dapat memberikan iktibar kepada pembaca terutamanya golongan kanak-kanak dan remaja. Dalam kajian ini hanyalah akan membincangkan impaknya terhadap kanak-kanak dan remaja melalui pengaruh perwatakan watak yang terdapat dalam konteks penceritaan cerita rakyat ini. Dalam cerita rakyat “Sombong Membawa Padah” mempunyai dua gambaran watak yang berbeza yang ditonjolkan melalui perwatakan dua ekor ayam jantan yang bernama Jalak dan Baring.

Berdasarkan cerita rakyat ini Jalak mempunyai perwatakan watak yang negatif iaitu memiliki sikap sombong, berlagak dan suka berlaga. Sikap sedemikian merupakan nilai negatif yang mampu memberikan impak yang buruk terhadap kanak-kanak terutama sekali terhadap pembentukan moral kanak-kanak. Dalam pada itu, kanak-kanak juga dapat mempelajari dan memahami kesan buruk yang akan menimpa diri mereka sekiranya mempunyai sikap sombong dan berlagak. Berikut merupakan petikan 6 yang menunjukkan kesan buruk yang menimpa Jalak:

Petikan 6

“...Sedarlah Jalak bahawa kesombongannya membawa padah...”

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiq Yusof & Fatimah Abdul Nasir 2011:134)

Selain itu, perwatakan watak Baring pula mencerminkan sikap dan nilai yang positif iaitu memiliki sikap yang penyabar dan merendah diri. Hal ini jelas menunjukkan sikapnya yang sentiasa mengalah dengan sikap sombong Jalak. Dalam pada itu, Baring juga menunjukkan sikap ihsannya dengan menyatakan penyelesaiannya yang tidak sempat menyelamatkan Jalak yang pada ketika itu disambar oleh burung helang. Jelaslah, sikap baik yang ditonjolkan oleh Baring wajar dijadikan teladan dan iktibar dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Tambahan lagi, sikap penyabar dan merendah diri haruslah disemai dalam jiwa kanak-kanak dan remaja agar golongan ini dapat membentuk nilai moral dan menjadi masyarakat yang lebih bertamadun dalam kehidupan. Oleh yang demikian itu, susulan daripada kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2016) membuktikan bahawa pentingnya perubahan yang perlu dilakukan dalam memartabatkan cerita rakyat mengikut peredaran waktu dan perkembangan teknologi terkini. Dengan adanya perubahan medium penyampaian cerita rakyat melalui proses adaptasi dari teks ke animasi, ia mampu meningkatkan penerimaan penonton terhadap terutamanya di kalangan kanak-kanak dan remaja. Maka, disamping ia disampaikan dalam bentuk hiburan, secara tidak langsung ia mampu menjadi medium pendidikan yang berkesan terhadap kanak-kanak dan remaja dalam membentuk akhlak mereka.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) melalui pendekatan gunaan telah menjelaskan bahawa pewatakan watak disifatkan sejajar dengan tatacara kehidupan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional. Hal ini wujud akibat daripada lontaran idea penglipur lara yang menyelitkan unsur falsafah kehidupan masyarakat setempat dalam watak cerita telah menyebabkan penyampaian cerita rakyat mampu diterima oleh masyarakat Melayu. Lantas, masyarakat Melayu tradisional telah terdidik dengan perlakuan-perlakuan yang positif dalam sesebuah cerita.

Baik Budi

Baik budi didefinisikan sebagai peribadi hati mulia, pertimbangan akal (hawa nafsu, marah, dan lain-lain). Baik budi digambarkan sebagai tingkah laku yang baik, sopan santun, berakhlak terpuji serta mempunyai akal fikiran yang baik dan bijaksana (*Kamus Dewan*, 2007). Kajian ini juga dapat mengenal pasti nilai yang diceritakan pada watak dalam cerita rakyat pilihan iaitu baik budi. Dalam cerita *Ayam Dogol Membuat Jasa*, nilai budi diterapkan pada watak Si Dogol. Hal ini dapat dijelaskan melalui petikan 7 dibawah:

Petikan 7

“Dogol memberikan cincin zamrud itu kepada Bidan Tebah kerana cincin itu mempunyai ilmu sakti. Apa-apa yang diminta pasti akan ditunaikan. Dogol berharap cincin zamrud itu dapat menyenangkan hidup Bidan Tebah.”

(Zainariah Abd Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir 2017: 65)

Jelas di sini bahawa perwatakan Si Dogol yang mempunyai budi pekerti yang diterapkan dalam diri watak. Hal ini demikian kerana Si Dogol, ayam jantan yang hodoh, kuat makan, tidak mempunyai balung dan bulu di leher diberi peluang untuk tinggal bersama di pondok Bidan Tebah. Sebagai tanda penghargaan dan membalas jasa Bidan Tebah, Si Dogol menghadiahkan cincin zamrud yang ditemuinya ketika mencari makanan di denai sekitar pondok Bidan Tebah. Walaupun cincin tersebut dirampas oleh raja, Si Dogol tetap berusaha bemata-matian untuk mendapatkan semula cincin tersebut dari genggamannya raja yang sebenarnya cincin tersebut hendak dihadiahkan kepada Bidan Tebah. Secara tidak langsung, melalui perwatakan yang dipancarkan oleh watak Si Dogol, ia mampu memberikan impak yang baik terhadap golongan muda khususnya kanak-kanak dalam terutamanya nilai budi terhadap pembaca.

Justeru, ia menguatkan lagi hujah bahawa adaptasi cerita rakyat dari teks ke animasi mampu menjadi satu medium yang berkesan dalam membina nilai moral dalam kalangan kanak-kanak dan remaja di peringkat awal. Melalui kaedah adaptasi dari teks ke animasi, ia mampu menarik lagi minat pelbagai penonton bukan sahaja di kalangan kanak-kanak dan remaja, malah juga pelbagai lapisan umur masyarakat sekaligus membina nilai moral melalui institusi kekeluargaan. Cerita ini mengandungi elemen-elemen kesan sampingan yang dapat menarik minat golongan kanak-kanak dan remaja. Penceritaan yang menarik menceritakan unsur-unsur kekampungan dapat mengajar para kanak-kanak dan remaja erti kehidupan di kampung. Cerita ini begitu dekat dengan kanak-kanak kerana mereka suka bermain dengan binatang peliharaan seperti ayam. Pengerak animasi perlu mengarap suasana kampung seperti zaman dahulu agar dapat dirasai oleh kanak-kanak dan remaja pada zaman ini. Ianya dijelaskan melalui kajian Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat (2014). Hasil kajian tersebut dapat membuktikan yang para pelajar memperolehi pengalaman dan pengajaran tentang cerita rakyat yang disampaikan melalui animasi.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) menerusi pendekatan gunaan. Pendekatan ini dilihat sangat ketara melalui watak di atas yang mampu membuat satu bentuk pertimbangan yang rasional. Hal ini selaras dengan adat kebudayaan masyarakat Melayu yang mementingkan perhubungan di antara satu sama lain. Hal ini menyebabkan masyarakat Melayu memegang teguh prinsip yang menjadi tunjang utama dalam kehidupan mereka. Oleh hal yang demikian, penglipur lara telah memainkan peranan dengan sebaik mungkin melalui penerapan falsafah kehidupan masyarakat Melayu menerusi cerita di atas. Akibatnya, sifat baik budi telah mencerminkan satu kebudayaan yang gagah untuk masyarakat Melayu sebagai identiti yang luhur.

Jujur

Jujur didefinisikan sebagai sifat jujur, kelurusan hati, ketulusan hati, yakin pada kebenaran. Jujur digambarkan sebagai hati yang lurus, tulus, ikhlas, kesucian hati, benar, serta boleh dipercayai (*Kamus Dewan*, 2007). Unsur watak dalam cerita rakyat di kalangan kanak-kanak dan remaja digambarkan menerusi watak seorang pemuda yang sangat jujur. Watak ini dapat dilihat dalam cerita rakyat iaitu *Bersikap jujur*. Diceritakan bahawa si Camba seorang yang sangat jujur dan tinggal bersama ibunya di sebuah kampung. Kehidupan mereka dua beranak sangatlah miskin sehinggakan pernah ada orang yang ingin mengenakannya. Namun, kemiskinan mereka bukan bererti mereka miskin hati tetapi sebuah kekayaan terhadap kejujurannya sangatlah tinggi kerana si Camba tidak pernah bercakap bohong. Hal ini dinyatakan sebagaimana petikan 8 di bawah iaitu:

Petikan 8

Suatu hari, jiran si Camba iaitu Kamit mahu mengenakannya. Kamit memberi sebuah karung berisi kala jengking kepada si Camba lalu berkata, “Camba, ibuku meminta aku menyerahkan karung emas ini kepada ibumu”. “benarkah ini emas? Terima kasih Kamit!” ucap si Camba kegirangan. Si Camba segera pulang ke rumah lalu menyerahkan karung itu kepada ibunya. Ibunya mengambil karung lalu bertanya, “berat sungguh karung ini. Apakah isi di dalamnya, Camba? “emas, ibu” balas Camba. Ibunya ragu-ragu lalu membuka karung tersebut. Alangkah terkejutnya ia apabila melihat banyak emas di dalamnya. “adakah benar Kamit yang berikan?” soal ibunya tidak percaya. “ya, ibu. Saya tidak berbohong,” balas si Camba.

(Zainariah Abd Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir 2017: 39)

Oleh itu, berdasarkan cerita rakyat *Bersikap Jujur* di atas, jelas membuktikan bahawa Si Camba seorang yang tidak pandai bercakap bohong. Walaupun si Kamit telah mengenakannya, jawapan si Camba tetap sama walhal dia tidak tahu apa yang sebenarnya ada di dalam kalung tersebut. Kejujuran seseorang akan menggambarkan keperibadian seseorang. Dalam konteks ini, *Bersikap jujur* merupakan sebuah cerita yang terkandung dengan nilai positif untuk didedahkan kepada masyarakat khususnya kanak-kanak dan remaja. Justeru, apabila ianya diadaptasikan daripada teks kepada animasi, secara tidak langsung akan memupuk nilai positif iaitu ingin bercakap benar terutamanya di kalangan kanak-kanak dan remaja. Hal ini kerana, tatacara hidup dan perangai khususnya golongan kanak-kanak dan remaja boleh dibentuk pada peringkat umur mereka.

Oleh itu, dengan desakan masa kini, media animasi adalah medium yang sangat penting bagi generasi sekarang kerana golongan kanak-kanak dan remaja juga sudah celik teknologi untuk mengakses maklumat di hujung jari. Bukan sahaja golongan mereka, peringkat dewasa juga lebih selesa untuk menonton cerita berbanding dengan membaca buku cerita. Jelaslah bahawa, cerita rakyat sebenarnya wajar dimartabatkan menerusi adaptasi teks kepada media animasi untuk dipertontonkan oleh khalayak umum. Animasi mengikut cerita *Bersikap Jujur* perlulah diolah oleh pihak bahagian penyelenggaraan bagi memastikan setiap dialog dan kesan bunyi lebih menyerlah kerana cerita tersebut banyak mengisahkan dialog antara watak. Pereka animasi perlu memasukkan kreativiti di setiap klimaks penceritaan. Penyataan ini disokong oleh Madiawati Mamat & Arbai'e Sujud (2010) dengan menyatakan untuk pelestarian semula cerita rakyat memerlukan tiga aspek utama iaitu berdasarkan tulisan teks, lisan serta multimedia. Hal ini bagi menarik golongan kanak-kanak dan remaja untuk mengenali pewatakan cerita rakyat menerusi animasi.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) menerusi pendekatan gunaan. Melalui pendekatan gunaan ini telah menyerlahkan perilaku positif yang diamalkan oleh watak dalam petikan di atas. Hal ini wujud akibat daripada penerapan penglipurlara yang ingin mengekalkan intipati pengajaran positif bagi menampakkan kewibawaan masyarakat Melayu yang tinggi menerusi watak cerita rakyat. Oleh itu, penglipurlara memainkan peranan dalam menerapkan falsafah penting yang seharusnya diamalkan oleh golongan muda. Kesannya, golongan muda akan lebih menitikberatkan nilai-nilai moral yang positif untuk diamalkan dalam kalangan masyarakat.

Penyayang

Seterusnya, penyayang didefinisikan sebagai perbuatan atau perlakuan menyayangi, mengasihi, dan bersifat belas kasihan serta menghormati orang lain. Penyayang digambarkan sebagai sifat menyayangi sesuatu perkara dalam persahabatan atau hubungan keluarga (*Kamus Dewan*, 2007). Watak penyayang dalam cerita rakyat dapat dilihat menerusi cerita rakyat yang bertajuk *Kasih Sayang Keluarga* iaitu melalui watak seorang kakak yang penyayang terhadap adiknya sendiri walaupun adiknya dilahirkan dalam keadaan ganjil. Selepas kelahiran anak lelakinya yang ganjil, suami isteri tersebut amat malu kerana anak lelakinya bertanduk di kepala dan ingin menghanyutkan anaknya di dalam peti besi ke sungai. Namun, dengan sikap penyayang terhadap adiknya itu, dia sanggup mengikut ke mana sahaja peti yang dihanyutkan ke sungai oleh kedua-dua ibu bapanya itu. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan 9 teks dibawah:

Petikan 9

“Si kakak yang amat sayang akan adiknya mengikut ke mana sahaja peti itu dihanyutkan. Suatu hari, telur itu menetas. Si kakak mendengar bunyi anak ayam menciap. Apabila peti itu hanyut di tepi sungai, si kakak lantas mengambil peti besi itu. Alangkah terkejutnya si kakak apabila membuka peti besi itu dan melihat seorang remaja yang tampan bersama ayam jantan. Tiada lagi tanduk dikepalanya. Si kakak lantas memeluknya. Si kakak dan adik bersatu semula dengan ibu bapa mereka. Mereka anak beranak hidup aman dan damai...”

(Zainariah Abd Wahab, Nur Syafiqah & Fatimah Abdul Nasir 2017: 76)

Berdasarkan petikan di atas, jelas memperlihatkan watak dan perwatakan seorang kakak yang penyayang ekoran sikapnya yang sanggup mempertahankan dan mengikuti adiknya setelah dihanyutkan oleh ibu bapanya kerana dilahirkan dalam keadaan ganjil. Perwatakan yang tunjukkan oleh kakaknya ini menggambarkan beliau bersyukur dan tidak memperlekehkan kurniaan Allah terhadap keluarganya. Rentetan itu, sikap penyayang yang ditunjukkan oleh kakaknya itu menunjukkan sikap positif ini perlu wujud dan ditanam dalam diri setiap setiap anggota keluarga. Dalam pada itu juga, sikap penyayang ini merupakan antara salah satu nilai moral yang perlu dititik beratkan dalam sesebuah keluarga agar tidak berlaku diskriminasi dalam sesebuah keluarga. Oleh itu, unsur watak Si Kakak yang penyayang dalam cerita *Kasih Sayang Keluarga* merupakan watak dalam cerita rakyat yang mengandungi nilai positif dan wajar dipertontonkan kepada kanak-kanak dan remaja. Justeru, unsur watak yang positif ini wajar di pertontonkan agar dijadikan iktibar kepada kanak-kanak dan remaja kerana animasi merupakan salah satu medium pendidikan yang secara tidak langsung akan membentuk nilai moral yang positif dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Animasi merupakan salah satu penyampaian kreatif.

Hal ini demikian kerana, animasi merupakan cara yang paling mudah dan berkesan untuk menarik perhatian golongan kanak-kanak dan remaja terhadap cerita rakyat kerana ianya bersifat menarik, ceria serta menyeronokkan. Kenyataan ini dapat disokong melalui kajian oleh

Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat (2014) dalam kajiannya memperincikan mengenai kepentingan komponen multimedia dalam usaha memartabatkan cerita rakyat Melayu. Komponen multimedia seperti media animasi secara langsung dapat memberi kesedaran kepada bukan sahaja kepada kanak-kanak malah remaja mengenai kepentingan cerita rakyat Melayu. Justeru, penggunaan elemen-elemen multimedia seperti animasi, grafik, audio dalam cerita rakyat juga dapat menarik minat kanak-kanak dan remaja terhadap cerita rakyat Melayu. Jelaslah bahawa, melalui kombinasi multimedia dan animasi, ianya memberikan impak yang baik terhadap kanak-kanak dan remaja.

Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) menerusi pendekatan gunaan. Pendekatan gunaan dilihat jelas melalui watak dalam petikan di atas. Watak kakak dalam petikan itu memperlihatkan nilai kasih sayang yang jelas wujud dalam masyarakat Melayu. Melalui penyampaian cerita di atas, perasaan kasih akan adiknya telah membuatkan Si kakak mengikuti adiknya yang dihanyutkan di sebatang sungai. Hal ini berpunca daripada keadaan adiknya yang lahir memiliki tanduk telah membuatkan ibu bapanya merasa malu lalu membuangnya. Namun kebaikan hati serta rasa kasih yang membara telah membuatkan Si kakak mengikuti adiknya itu. Hal ini bagi menjaga keadaan adiknya dari jauh. Keluhuran hati watak ini telah menampakkan kewibawaan yang tinggi wujud dalam kalangan masyarakat Melayu. Hal ini disebabkan oleh masyarakat Melayu mampu membentuk satu pemikiran tersendiri berdasarkan akal budi dan nilai-nilai murni yang diselitkan penglipur lara dalam sesebuah cerita rakyat. Akibatnya, masyarakat Melayu mampu membina tamadun yang memiliki satu bentuk kebudayaan tersendiri.

KESIMPULAN

Cerita rakyat merupakan cerita yang disampaikan secara lisan oleh masyarakat terdahulu yang dipertuturkan dari mulut ke mulut serta kaya dengan nilai-nilai murni. Kesusasteraan bukan sahaja mempunyai hubungan yang erat dengan penulisnya, malah mempunyai kaitan dengan media animasi. Media animasi semakin mendapat tempat di kalangan masyarakat terutamanya golongan kanak-kanak dan remaja. Unsur watak dan perwatakan cerita rakyat melalui media animasi juga dilihat memberikan impak yang positif kerana mengandungi nilai-nilai moral yang boleh dijadikan ikhtibar kepada kanak-kanak dan remaja sekaligus mendekatkan kanak-kanak dan remaja terhadap cerita rakyat. Penggunaan media multimedia seperti visual, grafik dan audio juga dilihat sebagai medium penting dalam usaha memartabatkan cerita rakyat daripada ketinggalan dan dilupakan oleh generasi muda.

Secara tuntasnya, kajian ini mampu menonjolkan unsur watak perwatakan yang terkandung dalam cerita rakyat untuk diketengahkan kepada golongan kanak-kanak dan remaja. Hal ini terjadi demikian kerana pengkaji mampu mengembalikan warisan khazanah masyarakat Melayu menerusi penemuan-penemuan unsur watak perwatakan yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu. Oleh itu, golongan kanak-kanak dan remaja mampu mempelajari adat resam, kebudayaan serta pengajaran menerusi watak dalam cerita rakyat Melayu secara lebih mendalam. Secara tidak langsung, watak perwatakan dalam cerita rakyat Melayu mampu dikekalkan biarpun arus kemodenan kian berleluasa pada masa kini. Justeru itu, melalui kajian ini diharap agar dapat membantu pengkaji-pengkaji lain dalam menghasilkan satu kajian ilmiah yang mana dapat memberi manfaat kepada golongan kanak-kanak dan remaja.

RUJUKAN

- Ahmad Nizam Othman. 2009. Filem Animasi Malaysia: Verbal kepada Visual. *Jurnal Pendidikan*, 3(1) 79-81.
- Arba'ie Sujud, Nurul Azimah Abdull Sedik, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & IntanZahariah Gaisun. 2014. Ekspresi Emosi Melalui Bahan Bacaan Sastera Kanak-Kanak. *Jurnal Melayu*, 13(1), 72-84.
- Johari Talib, Maharam Mamat & Maznah Ibrahim. 2017. Tun Seri Lanang: Dari Istana Batu Sawar Ke Naggaroe Aceh Darussalam. *Jurnal Melayu*, 16(1), 32-47.
- Kamus Dewan*. 2007. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Madiawati Mamat @ Mustaffa & Arbai'e Sujud, 2010. Transformasi Medium Dari Tradisi Lisan, Teks dan Bentuk Multimedia Dalam Cerita Unggas. *Jurnal ASWARA*, 8(9), 60-78.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. 2016. Impak Cerminan Budaya Berfikir Masyarakat Melayu ke Arah Kemajuan Multimedia Menerusi Cerita Rakyat. *Seminar Budi dan Nilai*. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, 22-23 Mei.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. 2017. Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Melalui Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Kajian Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Diselenggara Oleh Aripin Said & Othman Puteh. 2018. *Journal of Busnes and Devolement*, 5(2), 68-75.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. 2018. Penerapan Konsep Menjana Minda Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap Masyarakat Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Creative Futures and Heritage (IJCFH)*, 5(2), 91-97.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. 2021. Penemuan Nilai-Nilai Islam dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak. *Jurnal Melayu*, 20(1), 79-92.
- Normaliza Abd Rahim. 2014. Perception on the Animals Fable 'Bird of Paradise' Song. *AsianSocial Science Journal*. October, 10(19), 17-23.
- Normaliza Abd Rahim. 2014. The Nearly Fogotten Malay Folklore: Shall We Start With The Software? *TOJET: The Turkish Online Journal of Education Technology*. July, 13(3), 216-221.
- Normaliza Ab Rahim, Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat. 2014. Awareness of Folklore in Multimedia: Spoken Discourse among Learns. *Technics Technology Education Management*, 9 (2), 352-360.
- Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Awang Azman Awang Pawi. 2016. Disemination of Values through the E-Folklore. *TOJET: The Turkish Online Journal of Education Technology*. Januari, 16 (1), 32-36.
- Zanariah Abdul Wahab, Nur Syafiq Yusoff & Fatimah Abdul Nasir. 2017. *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur. Penebit Edukid Publication Sdn. Bhd.

Biodata Penulis:

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Universiti Malaysia Kelantan. Beliau kini mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Kesusasteraan di Universiti Malaysia Kelantan.

Mohd Firdaus Che Yaacob (PhD) merupakan pensyarah kanan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Universiti Malaysia Kelantan. Bidang kepakaran beliau ialah kesusasteraan Melayu.

Nur Samsiah Mazlan merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Universiti Malaysia Kelantan. Beliau kini mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Kesusasteraan di Universiti Malaysia Kelantan.